

### 9.3.1 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata Ganda

Malini **sekonyong-konyong** menangis **teresak-esak** di dalam kelas. **Rakan-rakan** sekelasnya terkesima melihat tingkahnya pada pagi itu. Malini merupakan murid yang periang dan tidak pernah bergaduh dengan sesiapa pun. Aminah menghampirinya dan bertanyakan masalahnya. Malini **tiba-tiba** bangkit sambil mengesat air matanya kemudian menuding jari telunjuknya ke arah Aida.

Senaraikan **dua kata ganda**, kemudian **bina ayat sendiri** dengan kata yang anda pilih itu.

- (i) sekonyong-konyong  
Suatu jeritan yang kuat **sekonyong-konyong** kedengaran dari pondok usang di pinggir **kampung itu.**
- (ii) teresak-esak  
**Jaliah** menangis **teresak-esak** seorang diri kerana kehiangan dompetnya.

### 9.3.2 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata Kerja Aktif Transitif

Aida, saya tahu awaklah yang **mengambil** dompet saya! Kata Malini dengan suara tinggi. Kata-kata Malini itu telah **mengejutkan** kawan-kawan sekelasnya. Kecoh jadinya Kelas 2 Berlian pada pagi itu. Mereka tidak **menyangka** bahawa Malini sanggup **mengeluarkan** tohmahan seperti itu kepada kawan baiknya sendiri.

Senaraikan **dua kata kerja aktif transitif**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

- (i) mengejutkan  
Berita kematian Samy Vellu sungguh memeranjatkan Bidin kerana dia **mengamalkan** gaya hidup sihat.
- (ii) menyangka  
Sesetengah orang **menyangka** bahawa kanak-kanak lebih senang mengingat sesuatu **daripada** orang dewasa.

### 9.3.4 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata Sendi Nama (prepositions)

"Saya tak ambil, Malini. Awak jangan tuduh saya sembarangan." Aida mempertahankan dirinya **daripada** tuduhan tersebut. "Benar kata Aida tu, Malini. Buktikan perbuatan Aida dulu sebelum menuduhnya mengambil dompet awak," Mei Lin menasihati Malini. Kawan-kawan sekelas pula cuba menenangkan Malini yang masih marah dan Aida yang kini menunduk **dengan** wajah yang masam.

Senaraikan **dua kata sendi nama**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

(i) daripada --> K A B O O S

- Kita dapat memperoleh pelbagai ilmu daripada Internet untuk penulisan karangan yang cemerlang.

(iii) dengan

- Nijess menampilkan diri untuk menerima hadiah dengan wajah yang ceria.

### 9.3.5 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata Kerja Aktif Tak Transitif

“Mari kita menggeledah semua beg yang ada di dalam kelas ini untuk mencari dompet Malini,” ujar Nizam yang menjadi ketua kelas. Setiap murid pun membawa beg sekolah masing-masing di hadapan Malini lalu mengeluarkan isi kandungannya untuk diperiksa oleh Malini sendiri. Tatkala tiba giliran Aida, ternyata beg dompet Malini tidak ada di dalam begnya.

Senaraikan **dua kata kerja aktif tak transitif**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

(i) menjadi

- Kamil hendak menjadi guru Matematik sejak di bangku sekolah rendah lagi.

(ii) ternyata

- Kesilapannya ternyata kerana tidak mengaplikasikan konsep yang diajarkan.

### 9.3.6 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Kata Adjektif dan Kata Adverba

Tiba-tiba Malini menjadi lebih marah. “Saya tak percaya!” Pagi tadi saya meminta Aida membawa masuk beg saya ke dalam kelas kerana saya mahu ke tandas. Jadi, siapa lagi yang mengambil dompet itu kalau bukan dia?” bentak Malini.

Senaraikan **satu kata adjektif** dan **satu kata adverba**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

Kata adjektif: marah

- Ckgu Zainal sangat marah akan anak-anak muridnya yang culas belajar.

Kata adverba: tiba-tiba

- Nijess tiba-tiba menangis kerana jarinya sakit dan gatal.

### 9.3.7 Aplikasi dan Sistem Bahasa | **Kata Hubungan Gabungan dan Pancangan**

Sejak peristiwa itu, hubungan antara Malini dengan Aida yang bagaikan isi dengan kuku menjadi renggang. Sudah hampir satu minggu mereka tidak bertegur sapa. Kawan-kawan sekelas berusaha sedaya upaya untuk memulihkan hubungan itu namun sia-sia sahaja.

Senaraikan **satu kata hubung gabungan** dan **satu kata hubung pancangan**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

kata hubung gabungan: \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

kata hubung pancangan: \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

ayat majmuk AM Gabungan: Nijess menangis dan

### 9.3.8 Aplikasi dan Sistem Bahasa | **Kata Majmuk**

Dua minggu kemudian, pada suatu pagi di sekolah, Malini bergegas masuk ke dalam bilik darjah. "Mana Aida?" tanya Malini dengan wajah gusar. Soalannya itu membuatkan kawan-kawan sekelasnya tercengang.

"Haa, itu dia Aida!" kata seseorang sambil menunjuk ke arah pintu masuk kelas. Malini menoleh dan terus menemui Aida. Aida tercengang melihat tingkah Malini.

Senaraikan **dua kata majmuk**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

(i) \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

- \_\_\_\_\_

### 9.3.9 Aplikasi dan Sistem Bahasa | **Kata Nama Abstrak**

Malini memegang erat kedua-dua tangan Aida. "Maafkan saya Aida kerana menuduh awak tempoh hari. Sebenarnya dompet itu tidak ada di dalam beg saya, tertinggal di rumah dan ibu saya menemukannya semalam di celah-celah kusyen. Maafkan saya, Aida." Terlihat kesedihan dan kekecewaan pada wajah Malini ketika dia berkata-kata.

Kebetulan guru kelas, Cikgu Maznah yang mengetahui peristiwa Malini kehilangan dompetnya memasuki kelas. Melihat Malini dan Aida bersalaman dan meminta maaf, Cikgu Maznah tersenyum lebar.

“Baguslah kamu berdua sudah berbaik semula. Mulai hari ini, buang yang keruh, ambil yang jernih. Saya berharap agar semua murid mengambil iktibar daripada peristiwa ini.”

Senaraikan **dua kata nama abstrak**, kemudian bina ayat sendiri dengan kata yang anda pilih itu.

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

### 9.3.10 Aplikasi dan Sistem Bahasa | Peribahasa

Berdasarkan ilustrasi ini, nyatakan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasinya.



(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

# REMAJA PRIHATIN, REMAJA SIHAT

oleh MUNSYI K'SEVEN

Kunci penting dalam kesihatan adalah dengan mengetahui, melakukannya dan menyeimbangkan. Mengetahui perihal kesihatan dapat dilakukan melalui pelbagai cara. Antara cara yang paling mudah termasuklah melayari laman sesawang, membaca buku dan bertanya kepada pakar kesihatan.

Jika remaja gemar membaca buku, ada beberapa buah buku tentang kesihatan yang boleh dijadikan rujukan. Antaranya termasuklah *YOU: The Owner's Manual for Teens: A Guide to a Healthy Body and Happy Life* tulisan Michael F. Roizen, dan *Food and You: A Guide to Healthy Habits for Teens* tulisan Marjolijn Bijlefeld.

Namun, sekiranya remaja masih ragu-ragu dengan maklumat dalam laman sesawang dan buku, remaja boleh bertanya tentang hal kesihatan kepada pakar dalam bidang ini. Tindakan bertanya amat digalakkan sebelum mencuba menjaiani kehidupan sihat. Kes-kes menakutkan tentang remaja cuba berdiet dengan tidak seimbang kerana khuatir akan masalah obesiti sering kali berlaku kerana tiadanya bimbingan serta rujukan daripada pakaf kesihatan.

Kunci kedua untuk hidup secara sihat adalah dengan melakukan aktiviti yang dapat membantu remaja menjadi lebih cerdas. Pada asasnya, terdapat lima aktiviti yang penting perlu diikuti oleh remaja supaya hidup lebih bertenaga. Aktiviti pertama, pemilihan makanan berkhasiat yang merupakan salah satu aktiviti penting bagi menjamin kesihatan tubuh remaja.

Remaja memerlukan kandungan protein, karbohidrat, vitamin dan lemak dalam badan. Kandungan ini perlu diambil berdasarkan piramid makanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Cara yang mudah untuk diikuti adalah dengan mengambil makanan utama tiga kali setiap hari, iaitu sarapan, makan tengah hari dan makan malam.

Aktiviti kedua ialah penjagaan kebersihan diri. Hal ini bukan sahaja penting bagi memastikan badan remaja tidak berbau dan disenangi oleh orang lain, tetapi bagi memastikan remaja tidak terdedah kepada sebarang punca penyakit, seperti bakteria bahaya, kutu dan kulat.

Kebersihan bukan sahaja berkenaan dengan tubuh manusia, sebaliknya meliputi tempat, seperti tempat tidur, tempat mandi, dan tempat makan. Apabila berada dalam keadaan bersih, maka secara tidak langsung remaja lebih bersemangat untuk hidup dengan lebih sihat. Hidup yang bersih, hati pun bersih.

Aktiviti sihat seterusnya ialah bersenam. Bersenam boleh dilakukan dengan pelbagai cara yang menyeronokkan. Beriadah bersama-sama keluarga dan kawan-kawan pada waktu petang di taman atau tepi tasik merupakan salah satu cara bersenam yang menyeronokkan. Bersenam bersama-sama insan tersayang juga boleh menyebabkan rasa penat ketika bersenam langsung tidak terasa!

Remaja juga boleh mencuba alternatif senaman lain. Jika minat menari, boleh juga menggunakan tarian sebagai salah satu senaman. Pilih sahaja jenis tarian yang disukai. Selain dapat mengisi masa lapang serta hidup lebih sihat, remaja berpeluang untuk mengasah bakat seni dalam diri remaja. Semuanya bermula dengan langkah pertama untuk mencuba.

Semua aktiviti lasak dan lincah hendak dicuba oleh para remaja. Namun, remaja perlu mengetahui batas dan kemampuan diri sendiri. Aktiviti terakhir yang perlu dilakukan remaja untuk hidup lebih sihat ialah masa rehat yang cukup. Waktu rehat secukupnya dapat membantu remaja merehatkan badan selepas seharian melakukan pelbagai aktiviti.

Apabila remaja sudah mengetahui, melakukan dan menyeimbangkan, maka untuk menjalani kehidupan yang sihat tidak lagi mustahil. Cara hidup sihat bukan sahaja dapat membantu remaja berfikir secara lebih matang, tetapi dapat memberikan keyakinan diri. Memiliki tubuh badan yang sihat, maka produktiviti dan daya kreativiti akan semakin bertambah.

